

PEKELILING NAIB CANSELOR

Bilangan 11 Tahun 2022

PEKELILING PEMAKLUMAN PENSTRUKTURAN FAKULTI KEPADА KOLEJ PENGAJIAN DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penstruktur fakulti kepada kolej pengajian di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

LATAR BELAKANG

2. Pelan Strategik UiTM 2025 telah menggariskan tiga (3) *Strategic Thrust* iaitu [1] Quality Education (ST1), [2] Global Excellence (ST2) dan [3] Value-Driven Performance (ST3). Tadbir urus tangkas (*Agile Governance*) adalah merupakan salah satu daripada sembilan (9) *Strategic Theme* yang mendokong *Strategic Thrust* (ST3).

3. Penstruktur fakulti ke arah merealisasikan Pelan Strategik UiTM 2025 di dalam tadbir urus tangkas adalah bagi:

- Membentuk sinergi ilmu, akademik, penyelidikan, dan inovasi yang lebih holistik dengan pewujudan bidang dan program pengajian baharu bersifat multidisiplin, fleksibel, dan futuristik;
- Meningkatkan kecekapan dan pengoptimuman sumber kewangan, staf, dan ruang secara berhemah, efektif, dan efisien; dan
- Mengukuhkan kolaborasi antara staf dalam pelbagai bidang pengajian melalui perkongsian pintar seperti gunasama fasiliti, infrastruktur, dan teknologi untuk menghasilkan penyelidikan dan inovasi yang berimpak tinggi.

4. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) melalui mesyuarat ke-175 bertarikh 15 September 2020 telah meluluskan penstrukturran fakulti kepada kolej pengajian dengan perincian seperti berikut:

- Cadangan penstrukturran fakulti di Universiti Teknologi MARA. Penstrukturran dibuat secara berfasa yang dimulakan dengan Kolej Pengajian Kejuruteraan dan Kolej Pengajian Seni Kreatif bermula November 2020. Pelaksanaan bagi kolej pengajian berikutnya akan dilaksanakan pada tahun 2021;
- Cadangan penggunaan nomenklatur jawatan di kolej pengajian;
- Cadangan carta organisasi (asas) kolej pengajian;
- Cadangan carta organisasi (asas)(Kolej Pengajian Seni Kreatif);
- Cadangan carta organisasi (asas)(Kolej Pengajian Kejuruteraan);
- Cadangan struktur tadbir urus (asas) kolej pengajian;
- Cadangan deskripsi tugas bagi jawatan pengurusan di kolej pengajian;
- Cadangan terma rujukan (TOR) Jawatankuasa Eksekutif Kolej Pengajian dan Jawatankuasa Akademik Kolej Pengajian;
- Pihak pengurusan perlu teliti di dalam pemilihan Penolong Naib Canselor bagi memastikan calon pilihan mampu mengemudi penstrukturran ini, kepimpinan, bakat, kemahiran dan keupayaan perlu dilihat secara keseluruhan; dan
- Penolong Naib Canselor hendaklah diberi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) untuk memastikan pelaksanaan penstrukturran ini berlaku dengan baik dan membuat pengukuran dan melaporkan *outcome* kepada pengurusan universiti.

5. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui surat bertarikh 23 Oktober 2020 (no. rujukan: JPT.S(G)2000/016/06/015 Jld.12(18)) telah menyatakan persetujuan dan sokongan kepada penstrukturran semula entiti akademik di UiTM.

6. Amanat Naib Canselor 2022 pada 26 Januari 2022 telah meminta agar inisiatif penstrukturran fakulti yang merupakan initiasif utama dalam Pelan Strategik UiTM 2025 diteruskan dengan penubuhan kolej-kolej pengajian yang baru.

PELAKSANAAN

7. Pelaksanaan penstrukturran fakulti kepada kolej pengajian di UiTM adalah seperti berikut:

7.1 Penstrukturran fakulti kepada kolej pengajian di UiTM sehingga tarikh pekeliling ini dikeluarkan adalah seperti berikut:

Bil.	Kolej Pengajian	Punca Kuasa	Tarikh Kuat Kuasa
1.	Kolej Pengajian Kejuruteraan (College of Engineering)	<ul style="list-style-type: none">▪ Mesyuarat MEU bil. 28 / 2020 bertarikh 2 Sept 2020▪ Mesyuarat LPU ke-175 bertarikh 15 September 2020▪ Surat JPT KPT bertarikh 23 Oktober 2020▪ Mesyuarat LPU ke-178 bertarikh 8 Mac 2021	29 Mac 2021
2.	Kolej Pengajian Seni Kreatif (College of Creative Arts)	<ul style="list-style-type: none">▪ Mesyuarat MEU bil. 28 / 2020 bertarikh 02 Sept 2020▪ Mesyuarat LPU ke-175 bertarikh 15 Sept 2020▪ Surat JPT bertarikh 23 Oktober 2020▪ Mesyuarat MEU bil. 42 / 2021 bertarikh 29 Disember 2021	03 Feb 2022
3.	Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media (College of Computing, Informatics and Media)	<ul style="list-style-type: none">▪ Mesyuarat MEU bil. 02 / 2022 bertarikh 12 Jan 2022▪ Mesyuarat LPU ke-183 / 2022 bertarikh 25 Jan 2022▪ Surat JPT bertarikh 21 Jun 2022▪ MEU (secara edaran) bertarikh 30 Sept 2022	01 Okt 2022
4.	Kolej Pengajian Alam Bina (College of Built Environment)		

7.2 Fakulti dan pusat akademik sedia ada adalah diminta untuk merealisasikan inisiatif penstrukturran fakulti sebagaimana agenda Pelan Strategik UiTM 2025. LPU di dalam mesyuarat Ke-182 pada 16 November 2021 telah meminta fakulti-fakulti meneruskan penstrukturran kepada kolej-kolej pengajian yang lain.

- 7.3 Dokumen berikut boleh diakses untuk rujukan pihak berkaitan:

Dokumen pengoperasian kolej pengajian telah disediakan untuk rujukan pelaksanaan yang boleh dicapai di:

<https://pendaftar.uitm.edu.my/dpocket>

Soalan lazim (FAQ) dan maklumat penstrukturran berimpak melalui laman sesawang Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa):

<https://hea.uitm.edu.my/v4/index.php/service/key-initiatives/restructuring>

- 7.4 Semakan tadbir urus dan perjawatan dilaksanakan ke atas kolej pengajian yang telah beroperasi bagi memastikan pelaksanaan tadbir urus tangkas dan pengoptimuman sumber.

TARIKH DIKELUARKAN

8. Pekeliling dikeluarkan pada **20 Oktober 2022**.

TARIKH KUAT KUASA

9. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **20 Oktober 2022**.

PEMAKAIAN

10. Pekeliling ini adalah terpakai untuk semua staf UiTM dan untuk edaran dalaman sahaja.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(PROFESOR DATUK TS. DR. HAFIZAH ROZIAH MOHD JANOR)
Naib Canselor

Dikelilingkan Kepada:

- Majlis Eksekutif Universiti
- Semua Penolong Naib Canselor
- Semua Dekan Kolej Pengajian / Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan
- Semua Pengarah Pusat
- Semua Ketua Bahagian / Jabatan / Pusat / Unit

Bil. Fail : 100-HEA (37/1/1)

No. Siri : 100-UiTM (NC/2) 11/2022